



Ministry of Industry and Primary Resources

**UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya Bin Begawan  
Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama  
Negara Brunei Darussalam**

Sempena: **Majlis Perasmian Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2011**

Bertempat: **Taman Mini Perayaan Kampong Parit, Daerah Brunei Muara,**

Pada: **Hari Selasa, 1hb. November 2011 / 4hb. Zulhijjah 1432**

---

Yang Mulia Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan **selaku Pengerusi Majlis;**

Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B)  
Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yussof, Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri;

Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara;

Yang Dimuliakan Pehin-Pehin;

Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri; Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Besar;

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Pegawai-Pegawai Daerah; Pegawai-pegawai kanan; para pengusaha; peladang; petani; penternak; nelayan;

Hadirin hadirat yang peramba/kaola/saya hormati sekalian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركته  
dan salam sejahtera

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasalam, Keluarga serta sahabat dan juga pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya jua, kita semua dapat berkumpul beramai-ramai di Majlis pada pagi ini khusus untuk meraikan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan tahun 2011.

Pada kesempatan ini peramba/kaola/saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada hadirin dan hadirat sekalian kerana sudi meluangkan masa bagi sama-sama menghadiri sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan tahun 2011 pada pagi ini.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

1. Tema **'Makanan Terjana, Negara Selamat'** masih lagi dikekalkan sehinggalah terjananya makanan Negara. Tema ini besar ertinya di mana ianya menggambarkan tanggungjawab Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk menangani bekalan makanan iaitu usaha untuk memastikan makanan mencukupi, selamat, halal dan mampu untuk diperolehi oleh seluruh penduduk Negara ini.

2. Sekuriti makanan dan perubahan iklim terus menjadi isu dunia pada masa ini. Perubahan iklim menyebabkan musim tidak menentu yang membingungkan para peladang, petani, penternak dan nelayan. Program penanaman pun turut terjejas, musim hujan dan kemarau tidak lagi dapat diramalkan. Perubahan-perubahan ini menjadikan usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan lebih mencabar. Kebakaran, banjir, kemarau dan turunnya salji yang tebal di negara-negara lain telah menyebabkan kenaikan harga makanan asas. Keadaan ini sangat membimbangkan terutama sekali bagi negara-negara yang bekalan makanannya bergantung kepada import.

3. Alhamdulillah, Negara kita telah mencapai hampir 100% tahap sara diri hasil tempatan bagi ayam dan pengeluaran telur. Sementara itu pengeluaran sayur tropika tempatan adalah pada tahap sara diri 85.7%; dan seterusnya bagi makanan laut, penghasilan tempatan telah mencapai lebih kurang 80%. Dalam pada itu, pengeluaran beras tempatan masih di tahap yang rendah. Namun usaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran tempatan masih tetap diungkapkan melalui strategi-strategi tertentu supaya Negara tidak berterusan bergantung kepada import.

#### Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Dalam keghairahan kita meningkatkan hasil tempatan sama ada hasil pertanian mahupun hasil perikanan, kita perlu juga mengambil kira kesan kepada alamsekitar. Banyak contoh sudah kita lihat di mana usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan yang tidak bertanggungjawab menyebabkan kesan negatif kepada alamsekitar seperti banjir, pencemaran sungai-sungai, keracunan dan sebagainya. Begitu juga dengan sumber marin yang semakin berkurangan dan kerosakan kawasan pembiakan ikan-ikan.

5. Ke arah itu para peladang, petani dan penternak adalah dinasihatkan supaya mengamalkan Kaedah Pengurusan Bersepadu dalam menangani musuh dan kesuburan tanah, yakni **Integrated Management of Pests and Soil Fertility**. Para nelayan pula adalah dinasihatkan supaya mengamalkan penangkapan ikan yang bertanggungjawab yakni **Responsible Fishing**. Hasrat ini didokong dan dibantu pelaksanaannya sepenuhnya oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan.

6. Jabatan-Jabatan berkenaan juga akan meningkatkan kajian dan pengetahuan mengenai dengan sistem penanaman dan penangkapan yang bertanggungjawab supaya pemindahan teknologi boleh disalurkan kepada para peladang, petani, penternak dan nelayan.

7. Jumlah kawasan yang telah diusahakan dalam sektor pertanian ialah sebanyak 8,143 hektar dan bagi akuakultur berjumlah 230 hektar. Adalah wajar bagi peladang, petani dan penternak meningkatkan produktiviti ladang dan kualiti hasil dengan penggunaan tanah secara optima. Program '*Pengurusan dan Amalan Pertanian dan Perikanan yang Baik*' perlu dipraktikkan. Penggunaan baja kimia yang berterusan dan kadangkala berlebihan menyebabkan struktur tanah menjadi rosak, keras dan masam. Kewujudan bahan-bahan organik, mikro-organisma dan cacing-cacing di dalam tanah asalnya adalah berfungsi untuk membantu pertumbuhan akar yang sihat dan pengambilan nutrien yang efisien. Kajian yang pernah dibuat oleh *Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation, CSIRO*, Australia ke atas kawasan-kawasan pertanian di Negara ini mendapati bahawa kesuburan tanah telah menurun di beberapa kawasan yang di antaranya disebabkan oleh penggunaan baja kimia yang berterusan dan kadang-kadang berlebihan tanpa ditampungi dengan penggunaan baja organik.

8. Produk-produk yang dihasilkan dengan mengambil kira kesan kepada alamsekitar telah menjadi tren masa kini dan sangat popular dan digemari pengguna. Ianya merupakan produk yang berkualiti premium dan mempunyai nilai niche (niche value) sesuai dengan usaha-usaha kita untuk menjenamakan atau nation branding Negara Brunei Darussalam sebagai Negara hijau dan bersih. Brand atau jenama ini adalah satu aset yang sangat berharga dan perlu kita jaga supaya dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang.

9. Selain daripada pencemaran dan ancaman penyakit yang merbahaya, kesan sisa baki racun kimia berlebihan yang terdapat pada hasil makanan juga perlu diambil perhatian yang serius. Untuk menghasilkan tanaman yang berkualiti dan selamat untuk dimakan, para peladang, petani, penternak dan nelayan sekali lagi disarankan untuk menggunakan pendekatan yang terbaik iaitu dengan memfokuskan kepada teknik pengurusan tanaman yang teratur, bersifat mesra alam dan kurang menggunakan racun, bagi meningkatkan mutu pengeluaran tanaman serta menjamin keselamatan makanan, dengan mengamalkan Amalan Pertanian Baik yakni **Good Agriculture Practice, GAP** dan strategi Kaedah Pengurusan Musuh Bersepadu (IPM) seperti menggunakan sistem rawatan tanah, penggunaan biji benih yang sihat dan penggunaan baja dan racun perosak yang betul dan teratur seperti yang telah disyorkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

10. Begitu juga bagi sektor perikanan, di mana adalah perlu bagi mengawal penggunaan 'antibiotics' dalam penternakan ikan dan udang, dengan mengamalkan Amalan Akuakultur Yang Baik (*Good Aquaculture Practices*), dan penangkapan ikan yang terkawal dan tidak berlebihan serta mengamalkan penangkapan ikan yang bertanggungjawab dan tidak merosak alam sekitar marin.

#### Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

11. Isu-isu sekuriti dan keselamatan makanan serta pembangunan yang lestari yang telah saya sebutkan tadi telahpun menjadi agenda nasional. Para peladang, petani, penternak dan nelayan yang akan menjadi tunggak dan tulang belakang bagi membantu pihak Kerajaan mencapai apa jua sasaran yang ditetapkan dan dalam masa yang sama, memelihara kualiti dan memastikan keselamatan produk makanan yang dihasilkan. Usaha murni ini bukan sahaja bagi menjamin kesejahteraan penduduk negara malah ianya juga adalah tuntutan agama seperti yang disebut dalam kitab suci Al-Quran.

12. Di samping itu, pihak Kerajaan juga Insya Allah tidak akan kendur-kendur terus berusaha memberi perkhidmatan yang diperlukan sebagai fasilitator yang proaktif dan dinamik di samping menghulurkan insentif dan bantuan yang diperlukan bagi memastikan kesemua produk-produk yang segar sama ada keluaran tempatan atau yang diimport serta produk-produk yang diproses hasil keluaran tempatan adalah segar, berkualiti dan selamat untuk dimakan.

13. Di kesempatan ini, saya bagi mewakili Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan tulus ikhlas, sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima anugerah sempena Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan tahun 2011. Tidak lupa juga ucapan syabas kepada semua para peladang, petani, penternak dan nelayan di Negara ini di atas kegigihan dan semangat keusahawanan yang ditonjolkan untuk memajukan diri sama ada secara individu atau berkumpulan. Sumbangan bakti dan usaha-usaha para peladang, petani, penternak dan nelayan yang gigih, dedikasi dan tidak mengenal penat lelah dalam meningkatkan tahap pengeluaran komoditi tempatan dalam mendokong usaha-usaha Kerajaan ke arah menjamin sekuriti makanan Negara dan memastikan makanan selamat untuk digunakan adalah sangat-sangat dihargai. Semoga Allah akan memberikan gajaran dan pahala kepada biskita semua jua.

14. Bagi mengakhiri ucapan ini, peramba/kaola/saya juga sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur bersama sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2011 serta semua yang terlibat bagi menjayakan sambutan pada tahun ini.

15. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim dan dengan bertawakal kepada Allah Subhannahu Wata'ala, saya dengan sukacitanya merasmikan **Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan Tahun 2011**. Semoga Allah Subhannahu Wata'ala memberkati dan mengurniakan taufik dan hidayahNya atas usaha kita bersama untuk memastikan makanan terjana, negara selamat. Amin Ya Rabbal Alameen.

Sekian, Terima kasih. Wabillahhittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.